

Dialek-Dialek Melayu di Lembah Baram¹

CHONG SHIN

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menelusuri dialek-dialek Melayu di Sungai Baram, bahagian Utara Sarawak. Penelitian telah menemukan tiga varian Melayu di kawasan ini, iaitu: (1) Dialek Melayu Sarawak (DMS); (2) Dialek Melayu Brunei (DMB); dan, (3) Bahasa Melayu Baram (BMB). Dari segi ciri linguistik, DMS di Lembah Baram dikenalpasti sama seperti golongan DMS lain di Sarawak, misalnya DMS Rejang, Saribas dan Kuching. DMB pula adalah kategori Subdialek Melayu Brunei yang memperlihatkan sistem tiga vokal. Makalah ini turut mengulas kajian Needham (1958) tentang BMB. Bahasa ini bersifat bahasa Pasar dan digunakan oleh suku-suku bumiputera bukan penutur dialek Melayu di sekitar Lembah Baram.

Kata kunci: Dialek Melayu, dialek Melayu Brunei, Bahasa Melayu Baram, lembah Baram

ABSTRACT


This paper attempt to study the Malay dialects spoke in Baram River, Northern Sarawak. Three Malay dialects have been revealed in this area, namely (1) the Sarawak Malay Dialect (SMD) (2) Brunei Malay Dialect (BMD); and (3) Baram Malay (BM). Linguistically, the SMD in Baram river basin is identified as a sub-variant of SMD in Sarawak (similar to the Rejang, Saribas and Kuching dialect). The SMD, which only consists of three vowels, is categorized as the sub dialect of Brunei Malay. This paper also described the BM studied by Needham (1958). In brief, BM is a kind of Bazaar Malay which is widely spoken by the non-Malay tribes in Baram river basin

Key words: Malay dialect, Brunei Malay dialect, Baram Malay, Baram basin

PENGENALAN

Di Sarawak, persebaran dialek-dialek Melayu agak menarik, iaitu berdasarkan "sistem sungai"². Justeru Sarawak dialiri oleh beberapa batang sungai besar, yakni Sungai Sarawak, Batang Lupar, Saribas, Krian, Rejang, Kemena dan

Baram (lihat Jackson 1976), maka kampung-kampung Melayu kelihatan bersebar di sepanjang sungai-sungai tersebut.³ Makalah ini bertujuan menelusuri dialek-dialek Melayu di Sungai Baram, bahagian Utara Sarawak. Dari segi pentadbiran, Sungai Baram terletak di Bahagian Miri dan dari segi geografi, sungai ini mengalir dari timur ke barat dan bermuara di sempadan Sarawak-Brunei Darussalam (Rajah 1).



Rajah 1. Kawasan kajian (Lembah Baram)

Tinjauan perpustakaan mendapati bahawa seawal tahun 1980an, dialek-dialek Melayu di Sarawak mula dikaji. Antara hasil kajian yang berkaitan adalah tulisan Rokaiyah (1983), Collins (1985), Madzhi Johari (1988), Azlan Miz (1997), Wong & Aiwan (1996), Fatimah (1996), Collins (2000) dan Chong (2006).⁴ Namun demikian, kesemua tulisan ini cuma membicarakan dialek Melayu di bahagian Barat Sarawak, iaitu dari Sungai Sarawak hingga ke Sungai Rejang. Cuma terdapat satu tulisan ringkas oleh Needham (1958) yang membicarakan bahasa Melayu Baram di Sungai Baram (Collins 1990). Dengan kurangnya penelitian dialek Melayu di bahagian Utara Sarawak, satu penelitian telah dilakukan dan hasilnya ditemukan tiga varian Melayu di kawasan berkenaan, iaitu:

- (1) Dialek Melayu Sarawak (DMS);
- (2) Dialek Melayu Brunei (DMB); dan,
- (3) Bahasa Melayu Baram (BMB).

Makalah ini mengupas data lapangan yang dikumpul dari Kampung Masjid dan Kampung Pulau Melayu serta mengulas tulisan Needham (1958). Secara terperinci, varian Melayu di Kampung Masjid dikategorikan sebagai *Dialek Melayu Sarawak* (selanjutnya DMS); varian di Kampung Pulau Melayu adalah *Dialek Melayu Brunei* (selanjutnya DMB); dan, varian Melayu dalam tulisan Needham (1958) adalah *Bahasa Melayu Baram* (selanjutnya BAB).

DIALEK MELAYU SARAWAK (DMS)

Secara umumnya, selain bahasa Iban⁵, DMS merupakan antara *lingua franca* utama di Sarawak. Berdasarkan sumber perpustakaan, dialek Melayu yang dikategorikan sebagai DMS terdiri daripada:

1. Dialek Melayu Kuching (selanjutnya DMKch);
2. Dialek Melayu Saribas (selanjutnya DMSbs); dan,
3. Dialek Melayu Rejang (selanjutnya DMRjg).

Dari segi hubungan linguistik, DMKch dan DMRjg memperlihatkan hubungan yang sangat dekat (Collins 2000) dan ini berbeza dengan DMSbs. Menurut Collins (1987), DMSbs menunjukkan beberapa banyak ciri yang memisahkannya daripada DMKch. Antara ciri linguistik yang menggambarkan DMSbs sebagai dialek tersendiri ialah kelainan-kelainan dalam bunyi /-a/, /-ʏ/ dan /-l/; lihat paparan di Jadual 1, 2 dan 3.

Walaupun wujud dalam pelbagai varian DMS (iaitu DMKch, DMSbs dan DMRjg), kesemua dialek ini memiliki beberapa ciri linguistik umum, seperti yang dirumuskan dalam Collins (1987; 2000), Azlan (1997) dan Chong (2006):

1. /k/ dan /ʔ/ berstatus fonem tersendiri (bandingkan kata [kəʏaʔ] ‘kera’ dan [kəʔak] ‘kerak nasi’).
2. Penambahan bunyi hentian glotis /ʔ/ pada posisi akhir kata-kata tertentu.
3. Fonem /h/ tidak wujud pada awal kata, kecuali dalam beberapa kata pinjaman. (Contohnya “hujan” → [ujan]).
4. /-ŋ/ muncul sebagai [-n] jika diikuti dengan vokal tinggi [i].

STATUS DMSLB DALAM DMS

Melalui kajian di lembah Baram, ditemukan bahawa DMS juga dituturkan jauh di bahagian Utara Sarawak, iaitu lembah Baram. Perlu ditekan bahawa bahagian utara dan selatan Sarawak dibatasi oleh gunung, sungai dan paya. Kesemua faktor ini memungkinkan pembentukan kepelbagaian dialek (Chambers & Trudgill 1980). Persoalannya, bagaimana bentuk varian DMS di Lembah Baram di bahagian utara? Adakah ianya satu varian tersendiri ataupun sebaliknya⁶?

Hasil kajian menunjukkan bahawa DMSLb yang dikumpulkan di kampung Masjid mempunyai jalinan linguistik yang erat dengan DMKch daripada dengan DMSbs. Bukti pertama ialah dari segi sistem vokal dan konsonan iaitu sistem vokal dan konsonan DMSLb sama seperti DMKch; lihat (Collins 1987)⁷:

Vokal : /i, e, a, ə, u/

Konsonan : /b, p, d, t, k, g, ʔ, s, z, ʏ, h, c, j, l, m, n, ŋ, w, y/

DMSbs dikatakan menduduki dialek tersendiri dalam kelompok DMS (iaitu terpisah dengan DMSLb dan DMKch) kerana memiliki beberapa kelainan fonologi seperti dalam (a) dan (b) di bawah. Sesungguhnya ini adalah bukti kedua yang menunjukkan hubungan dekat di antara DMSLb dengan DMKch, daripada dengan DMSbs:

- a. Pada suku kata akhir terbuka, /ɔ/ adalah alofon kepada /a/ dalam DMSbs tetapi kekal sebagai /a/ dalam DMKch dan DMSLb.

Jadual 1. /a/ dan alofon-alofonnya dalam tiga dialek Melayu di Sarawak

Makna	DMSLb (Kpg. Masjid)	DMS DMKch (Tupong Tengah)	DMSbs (Debak)
Nama	nama	nama	namɔ:
Mata	mata	mata	matɔ:
Telinga	kəliŋa	təliŋa	təliŋɔ:

- b. Selepas vokal tinggi di akhir kata, alofon /ʏ/ ialah [ɛ] dan [a] dalam DMSbs tetapi tidak pada DMKch dan DMSLb.

Jadual 2. /c/ dan alofon-alofonnya dalam DMS

Makna	DMSLb (Kpg. Masjid)	DMS DMKch (Tupong Tengah)	DMSbs (Debak)
Pasir	pasi ^ə ʏ	pasi ^ə ʏ	pasia
Air	aeʔ	a ^y i ^ə ʏ	ayia

Dari Jadual 1 dan 2, ternyata DMSbs adalah dialek tersendiri. Manakala DMKch dan DMSLb memperlihatkan kemiripan. Walaupun wujud perbezaan sedemikian, sebagai anggota *Dialek Melayu Sarawak*, DMSLb, DMKch dan DMSbs pada dasarnya menunjukkan beberapa persamaan linguistic umum, antaranya ialah:

a. Bunyi hentian glotis /ʔ/ dan /k/ berstatus fonem tersendiri. contohnya:

Bagi pengkaji yang belum biasa dengan alam Borneo, seringkali menghadapi kekeliruan untuk membezakan sebutan untuk kata yang berakhir dengan bunyi /k/ dan /ʔ/. Misalnya dalam DMKch, *kerā* 'sejenis monyet' dan *kerak* 'kerak nasi' seakan-akan mempunyai sebutan yang sama. Sebenarnya kedua-dua fonem akhir kata ini adalah dua fonem yang berbeza. Kajian Collins (1987) telah membuktikannya, iaitu [ʔ] wujud pada akhir kata DMKch justeru pada kata yang berakhir dengan vokal dalam bahasa Melayu baku. Kata *kerā* merupakan antara kata Melayu Sarawak yang mempunyai bunyi /ʔ/ tambahan. Jadi sebutan *kerā* dalam sebutan DMKch ialah [kəʔaʔ] yang mana bunyi [ʔ] kedengaran seakan-akan sama dengan [k]; tetapi pada hakikatnya kedua-dua fonem ini adalah berbeza (Jadual 3).

Jadual 3. Perbezaan antara /ʔ/ dan /k/ dalam DMS

Makna	DMS		
	DMSLb (Kpg. Masjid)	DMKch (Tupong Tengah)	DMSbs (Debak)
Kera	kəʔaʔ	kəʔaʔ	kəʔaʔ
Kerak nasi	kəʔak	kəʔak	kəʔak

b. Penambahan /ʔ/ pada kata-kata tertentu

Dalam DMS, pada posisi akhir kata-kata tertentu, terdapat gejala penambahan bunyi hentian glotis /ʔ/; lihat contoh di Jadual 4.

c. Ketidakwujudan Fonem /h/ Pada Awal Kata

Ciri ini boleh dikesan dengan membandingkannya dengan bahasa Melayu Baku. Untuk kata-kata yang bermula dengan /h-/ dalam bahasa Melayu Baku, fonem ini kelihatan tidak wujud pada awal kata dalam semua varian DMS. Namun demikian, ianya dikekalkan pada tengah dan akhir kata. Contohnya:

Jadual 4. Ketidakwujudan /h-/ pada awal kata

Makna/ Melayu Baku	DMS		
	DMSLb (Kpg. Masjid)	DMKch (Tupong Tengah)	DMSbs (Debak)
Kerah	isap	isap	isap
hujan	ujan	ujan	ujan
hidup	idup	idup	idup

d. /-ŋ/ muncul sebagai [-n] jika diikuti dengan vokal tinggi [i]

Konsonan nasal /-N/ pada posisi akhir kata semua varian DMS (Jadual 5) diperhatikan muncul sebagai [-n], jika ianya diikuti dengan vokal tinggi [i]. Contohnya:

Jadual 5. /-ŋ/ muncul sebagai [-n] jika diikuti dengan vokal tinggi [i]

Makna	DMSLb (Kpg. Masjid)	DMS DMKch (Tupong Tengah)	DMSbs (Debak)
Berbaring	guŋin	guŋin	guŋin
Cacing	cacin	cacin	cacin

DIALEK MELAYU BRUNEI (DMB)

Di sekitar Teluk Brunei di pantai Utara Borneo, terdapat berpuluh ribu orang yang berbahasa Melayu sebagai bahasa Ibunda dan bahasa komunikasi. Menurut Jaludin Chuchu (2003): “...walaupun [bahasa ini] terdapat beberapa subdialek, semua penutur ini tergolong dalam masyarakat dialek yang sama, iaitu Dialek Melayu Brunei (selanjutnya DMB)”.

Di luar Brunei, daerah seperti Limbang, Lawas di Sarawak dan daerah di Sabah yang bermula di Sindumin hingga Kampung Brunei di Kota Kinabalu serta Pulau Labuan juga dihuni oleh penutur DMB. Tahap kefahaman di antara penutur dialek Melayu di Brunei dengan penutur Melayu lain di kawasan Teluk Brunei sangat tinggi (Jaludin Chuchu 2003). Memang inilah hakikat bahwa persebaran dialek tidak dibatasi oleh sempadan politik, misalnya dialek Melayu di Kelantan, juga digunakan sebagai bahasa Ibunda dan *lingua franca* oleh masyarakat Selatan Thai. Selain beberapa kawasan yang disebutkan oleh Jaludin Chuchu (2003), DMB juga dikenalpasti tersebar di sekitar lembah Baram—sungai yang terletak di sempadan Sarawak-Brunei. Menurut Jaludin Chuchu (2003), antara beberapa ciri DMB ialah:

1. Bersistemkan tiga vokal
2. Pengguguran /h/ pada Awal Kata
3. Penambahan bunyi ʔ pada akhir kata tertentu
4. Inovasi *ŋ > /r/ dan /-ʔ/
5. Wujudnya konsonan panjang pada kata-kata tertentu

1. Bersistemkan Tiga Vokal

Menurut Collins (1992), Bahasa Melayu Purba (BMP) mempunyai empat vokal, iaitu *i, *u, *ə dan *a. Namun dalam DMB, diperhatikan terdapat pengurangan

bunyi vokalnya kepada tiga saja, iaitu /a/, /i/, /u/ (Jaludin Chuchu 2003). Varian Melayu di Lembah Baram ini (selanjutnya DMbLb) juga bersistemkan tiga vokal dan dibuktikan merupakan DMb. Lihat contoh di bawah:

DMbLb	BM Baku	Makna
/batis/	/bətis/	betis
/daŋar/	/dəŋar/	mendengar

Jelas, untuk kata yang sepadan dengan bahasa Melayu Baku (BM), /ə/ dalam DMbLb kelihatan wujud sebagai /a/. Jadi, ini bererti bahawa DMbLb merupakan antara varian DMb, sepertimana yang ditaksirkan oleh Jaludin Chuhu (2003) iaitu: *dalam DMb BMP *ə sepadan dengan /a/ pada semua kedudukan: awal, akhir dan praakhir. Perendahan BMP *ə kepada /a/ menyebabkan penyatuan dua vokal purba, iaitu *ə dan *a. Ciri penyatuan ini sangat penting dalam usaha pengelasan dialek Melayu di Pulau Borneo.* Data DMbLb turut jelas menunjukkan ciri ini:

BMP	DMbLb	Makna
*pəʔcut	paro:t	perut
*dəŋəʔ	daŋ:a:	dengar
*ləmək	lamak	lemak
*hitəm	itam	hitam
*jahət	bai?	jahat

Varian DMbLb memperlihatkan penjelmaan dari *u ke /o/ pada posisi akhir suku kata. Ini berbeza dengan DMb yang mana BMP *u cuma wujud sebagai /u/ pada posisi tersebut pada semua varian⁸. Contohnya *bulan > bulan (Kampung Air, Lambak Kanan, Saba Darat); *tiduʔ > tiduy (Kampung Air), tidur (Lambak Kanan, Saba Darat); *bulu > bulu” (Kampung Air), bulu (Lambak Kanan, Saba Darat).

BMP	DMbLb	Makna
*duʔuŋ	suronj	menolak
*ikuʔ	ikonj	ekor

Begitu juga dengan bunyi *i, bunyi ini menurunkan /i/ baik dalam DMbLb mahupun DMb⁹, contohnya:

BMP	DMbLb	Makna
*ikuʔ	ikoN	ekor
*biluk	bilok	belok
*timbang	timbang	tembak

2. Pengguguran /h/ pada Awal Kata

Terdapat berpuluh-puluh DMb dan dialek-dialek ini dapat dikategorikan kepada dua subdialek yang utama, iaitu 1) Subdialek Melayu Brunei dan 2) Subdialek Kedayan (Maxwell 1984 dlm Jaluddin Chuchu 2003). Dalam Subdialek Melayu

Brunei, BMP *h bersepadan dengan /h/ pada akhir kata dan sebagai /ø/ pada awal kata. Subdialek Kedayan dibezakan dengan Subdialek Melayu Brunei dengan BMP *h sepadan dengan /h/ pada semua posisi (Jaluddin Chuhu 2003). Berdasarkan penerangan ini, persoalannya ialah DMBLb yang dituturkan di luar Negara Brunei adalah subdialek Melayu Brunei ataupun Subdialek Kedayan? Berdasarkan data-data yang ditampilkan di bawah, DMBLb adalah Subdialek Melayu Brunei.

DMBLb	DMKedayan ¹⁰	Makna
ati	hatiʔ	hati
atap	hatap	atap

3. Penambahan Bunyi ʔ pada Kata-kata tertentu

Penambahan bunyi glottis /ʔ/ pada DMBLb turut membuktikan bahawa varian ini adalah Subdialek Melayu Brunei kerana menurut Jaluddin Chuhu (2003), Subdialek Melayu Brunei mengalami penambahan bunyi /ʔ/ pada sesetengah kata, sebaliknya tidak pada Subdialek Kedayan. Kalau dibandingkan dengan bahasa Melayu Baku, beberapa kata DMBLb yang berakhir dengan vokal juga mengalami penambahan bunyi glottis. Contohnya:

DMBLb	BM Baku	Makna
kiriʔ	kiri	kiri
sikuʔ	siku	siku
pahaʔ	paha	paha
taliŋaʔ	təliŋa	telinga
mataʔ	mata	mata

4. Inovasi *ʏ > /r/

Menurut Collins (1987), bunyi /ʏ/ dalam dialek Melayu adalah retensi dari bunyi BAP. Di Sarawak, semua dialek-dialek Melayu—DMKch (Collins (1987), Sibū [DMSb] (Fatimah, 1986), DMSbs (Azlan Miz, 1997; Collins, 2000; Chong 2006) dan DMRjg kelihatan meretensikan ciri purba ini. DMSLb di Lembah Baram tidak terkecuali dari mengekalkan ciri retensi ini. Yang menarik, dalam DMBLb, ianya mengalami inovasi dan inovasi ini menjadi pembeza Subdialek Melayu Brunei dan Subdialek Kedayan. Sekiranya *ʏ > /r/ ataupun /y/, maka ianya adalah Subdialek Melayu Brunei. Manakala sekiranya berinovasi ke /ø/, ini bermakna ia adalah Subdialek Kedayan. Data DMBLb memperlihatkan inovasi *ʏ > /r/. Jadi ini merupakan bukti lanjutan DMBLb adalah Subdialek Melayu Brunei. Contohnya:

BMP	DMBLb	Makna
*tidu ʏ	>tidor	tidu
*təlu ʏ	>talor	talū

5. Pemanjangan Konsonan

Gejala pemanjangan bunyi konsonan bererti bunyi konsonan dipanjangkan kerana faktor-faktor fonologi. Dari segi otografi, ianya seakan-akan ditulis dengan konsonan “berganda” (dalam perlambangan fonetik, ianya ditandai dengan [:]). Bahasa-bahasa yang mengandungi ciri ini ialah seperti dialek Melayu Kota Bangun (Collins 1990; 1992) dan dialek Melayu Sambas (Jaluddin Chuchu 2003). Contohnya: [banner] ‘benar’. [tallur] ‘telur’ (varian Sambas Marabuan). Dalam DMB, terdapat juga ciri konsonan panjang tetapi ianya dilaporkan mengalami kepunahan dan kewujudannya berkait dengan angkubah umur dan kelas sosial. Maksudnya hanya golongan lelaki yang berumur 60 ke atas dan wanita yang berumur 50 ke atas, yang bekerja swasta (petani, nelayan, pedagang) sahaja yang mengekalkan ciri ini (Jaluddin Chuchu 2003).

Yang menarik, walaupun ciri ini dikatakan punah dalam DMB di Brunei, namun DMBLb yang merupakan sebahagian dari DMB (maksudnya yang dituturkan di luar Brunei) kaya dengan ciri ini. Berikut adalah contoh-contohnya:

DMBLb	Makna
bal:ah	membelah
lap:as	terlepas
kar:ak	kerak nasi
par:ot	perut
manjar:anj	masak nasi

Secara ringkas, daripada huraian di atas, rumus pemanjangan bunyi konsonan adalah seperti berikut:

$K > K: / *ə_V(K)$.

[Catatan: *ə mengalami penyatuan vokal ke /a/ dalam varian ini; seperti yang diterangkan sebelum ini]

BAHASA MELAYU BARAM (BAB)

Selain DMS dan DMB, menurut Needham (1958) terdapat sejenis lagi varian Melayu, iaitu bahasa Melayu Baram (BAB) yang diujarkan oleh suku bukan Melayu seperti suku Kayan, Kenyah, Badang dan Sebup di bahagian utara Sarawak. Bahasa ini bersifat *bahasa pasar* dan digunakan oleh mereka semasa berkomunikasi antara suku yang berlainan bahasa Ibunda. Berdasarkan data dalam Needham, BAB adalah varian yang berbeza dengan DMS dan DMS, seperti yang didiskusikan dalam makalah ini. Contohnya:

Makna	DMS	DMB	BAB
air	aeʔ	aiŋ	ayin(g)
kotor	kaman	kaman	koton
tidur	tido:	tidor	tidun
fikir	pikeʔ	piker	pikin

Mengenai ciri linguistik BAB, Needham (1958) telah menggarisbawahi beberapa perubahan bunyi antara bahasa Melayu Baku dengan BAB:

BM Baku	BAB	Perubahan Linguistik
angkat pangkat	akat pakat	-ŋk- > -k-
lekas atas	lekat atat	-s > -t
kotor tidur pasar	koton tidon pasan	-r > -n
rantai	latai	r- > l
perintah	Pelintah	-r- > -l-
bila	bilat	-a > -at
betul	metun	b- > m- ; l- > n-
fikir	pikin	f- > p-
nombor sambuj	nubun sabun	-mb- > -b-
kumpul	gupun	-mp- > -p- ; g- > k-
pingan	pigan	-ŋg- > -g-

RUMUSAN

Secara kesimpulan, terdapat tiga varian Melayu, iaitu DMS, DMB dan BAB diujarkan di lembah Baram, bahagian utara Sarawak. Ternyata ini berbeza dengan bahagian lain di Sarawak yang setiap daerah hanya “diwakili” oleh satu dialek Melayu sahaja sebagai *lingua franca*, contohnya di daerah Saribas, hanya DMSbs berfungsi sebagai bahasa pengantar. Kepelbagaian dialek-dialek Melayu di lembah Baram terjadi kerana:

- (1) Faktor ekonomi:
Faktor ini telah menggalakkan migrasi penutur DMS dari luar lembah Baram (misalnya dari daerah Kuching) ke daerah ini untuk mencari nafkah hidup. Kegiatan ekonomi yang menjadi tarikan ialah industri petroleum. Justeru DMS berstatus sebagai *lingua franca* utama di Sarawak. Maka dialek ini juga dikuasai oleh bukan penutur asli DMS, contohnya penutur DMB dan suku-suku lain, sebagai bahasa kedua.
- (2) Bersempadan dengan Negara Brunei Darussalam:
Menurut Collins (1999), persebaran sesuatu dialek tidak dibatasi oleh sempadan politik sesebuah Negara. Justeru, DMB yang menjadi *lingua franca* di Brunei juga dituturkan di sekitar lembah Baram.
- (3) Status Bahasa Melayu
Di sepanjang Sungai Baram, dihunikan ramai suku pribumi bukan Melayu (misalnya suku Kayan, Kenyah, Batang, Sebup, Miriek, Narom dan sebagainya). Kebanyakan daripada mereka tinggal di daerah pedalaman dan bahasa suku-suku ini tidak saling mengerti. Dengan status bahasa Melayu yang sebagai *lingua franca*, bahasa ini dipilih sebagai bahasa pengantar komunikasi. Mungkin kerana kompetensi mereka berbahasa Melayu masih lemah, sejenis varian Melayu “baru”¹¹ iaitu BAB seperti yang dilaporkan dalam Needham (1958), telah dilahirkan.

Di lembah Baram, setiap varian Melayu memiliki status dan fungsi tersendiri. DMS dianggap berstatus tinggi kerana ianya *lingua franca* untuk seluruh masyarakat Sarawak dan dipersepsikan oleh orang Sarawak sebagai bahasa pengantar yang penting. Jadi di bahagian utara Sarawak, DMS berfungsi sebagai bahasa ibunda oleh penutur DMS asli dan bahasa kedua/bahasa inter-etnik oleh bukan suku-suku lain. DMB pula berperanan sebagai *lingua franca lokal*, iaitu bahasa pengantar untuk suatu lingkungan tertentu sahaja. Di luar lingkungan tersebut, DMS menggantikan peranannya sebagai bahasa komunikasi. Untuk suku-suku pribumi bukan Melayu yang kurang kompetensi berbahasa Melayu, BAB dilaporkan sebagai bahasa pengantar untuk mereka. Oleh kerana

tiada data BAB yang lengkap, jadi adalah agak sukar untuk memastikan sama ada BAB masih wujud setelah bahasa ini dikenalpasti oleh Needham (1958) lima puluh tahun yang lalu? Sesungguhnya penelitian lanjutan perlu dilakukan untuk tujuan melestarikan khazanah ilmu ini.

NOTA

- ¹ Makalah ini dihasilkan berdasarkan hasil kajian Projek FRGS (Kod Projek: *UKM-II-04-FRGS0002-2007* (Menyempurnakan Kosa Ilmu Dialek dan Sastra Melayu Sarawak: Kajian di Sungai Kemena dan Sungai Baram, Bahagian Timur Sarawak). Versi asal makalah ini telah dibentangkan di *Konferensi Linguistik UTARA*, Medan (Indonesia). 2-3 Mac 2009.
- ² Corak persebaran ini bukan terbatas kepada dialek-dialek Melayu sahaja tetapi juga pada dialek-dialek lain di Pulau Borneo. Dalam erti kata lain, sesebuah sistem sungai mampu menampilkan keanekaragaman varian-varian bahasa di Borneo (lihat Collins & Chong 2001).
- ³ Contohnya, kampung Debak, Pusa' Beladin, Suba', Betong dan sebagainya tersebar di sepanjang sungai Saribas (lihat Chong 2006). Begitu juga dengan Sungai Rejang, antara kampung-kampung Melayu yang terdapat di sepanjang sungai berkenaan ialah kampung Rejang, Abang Amin, Abang Ali, Sentosa, Kampung Dato', Kampung Hilir dan sebagainya.
- ⁴ Pada tahun 2005, Universiti Kebangsaan Malaysia telah meluluskan satu projek penelitian yang berjudul "Pengkajian Dialek Melayu di Sungai Rejang (Sarawak): Memantapkan Terminologi Dialek Melayu Sarawak". Projek yang selama dua tahun ini (15/12/2005-15/12/2006) telah berjaya mengumpulkan banyak data dialek Melayu di sepanjang sungai itu.
- ⁵ Jumlah penutur bahasa Iban ialah kira-kira 600,000 orang. Bahasa ini digunakan secara meluas di Sarawak, baik sebagai bahasa pertama (oleh suku Iban) mahupun sebagai bahasa kedua (oleh bukan Iban).
- ⁶ Bentuk muka bumi di bahagian hilir lembah Saribas adalah berlumpur dan terdapat sebidang lumpur yang sepanjang beberapa kilometer persegi di muara sungai tersebut. Muara sungai yang cetek dan panjang ini sering mengakibatkan sejenis ombak yang kuat, tinggi dan deras, iaitu [bena']. Ombak ini amat berbahaya kepada perahu kecil (Pringle, 1970). Atas faktor geografi ini, sejak dulu lagi, kawasan Saribas terkenal sebagai kawasan persembunyian lanun yang menyerang kapal-kapal di persisir pantai Borneo. Pada zaman pemerintahan Rajah Brooke, Saribas pula dijadikan sebagai benteng oleh penentang penjajahan Brooke (terutamanya orang Iban dan Melayu); lihat Keppel (1846). Faktor geografi sedemikian menyebabkan munculnya kepelbagaian dialek Melayu di Saribas dan berbeza dengan dialek-dialek Melayu lain di luar Sungai Saribas.
- ⁷ DMKch yang teliti oleh Collins (1987) memperlihatkan 5 vokal (/i, e, a, ə, u/) dan 19 konsonan (/b, p, d, t, k, g, ʔ, s, z, ʎ, h, c, j, l, m, n, ŋ, w, y).
- ⁸ Contohnya: *bulan > bulan (Kampung Air, Lambak Kanan, Saba Darat); *tidu ʎ > tiduy (Kampung Air), tidur (Lambak Kanan, Saba Darat); *bulu > buluʔ (Kampung Air), bulu (Lambak Kanan, Saba Darat)
- ⁹ Contoh-contoh lanjutan tentang varian DMB dapat dilihat dalam Jaluddin Chuchu (2003).

¹⁰ Data dari Jaluddin Chuchu (2003).

¹¹ Hujah ini cuma andaian awal sahaja. Penelitian lanjutan perlu dilakukan untuk membuktikannya.

RUJUKAN

- Azlan Miz. 1997. Inovasi dialek Melayu Sarawak: Kajian perbandingan. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P. 1980. *Dialectology*. London: Cambridge University Press.
- Chong Shin. 2003. Research in Saribas valley: An interim report. Kertas Kerja First Workshop on Ethnic Minorities in Southeast Asia. SEASREP-ATMA, Bangi. 29-30 Mac.
- Chong Shin. 2006a. Bahasa Iban dan dialek Melayu di Saribas. *Sarawak Museum Journal*. Vol LXII No. 83 (New Series).
- Collins, J.T. 1985. Dialek Melayu Sarawak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1990. *Bibliografi dialek Melayu di Pulau Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1999. Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 2000. Kepelbagaian dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang. *Jurnal Dewan* 44(1): 2-17.
- Collins, J.T. & Chong Shin. 2001. Six Bidayuhic variants in Sekadau River. Borneo Homeland Data Paper. No.3. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Fatimah @ Salamiah Mahdini. 1996. Kosa kata dan sintaksis dialek Melayu Sibui. Latihan ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Jackson, J.C. 1976. *Sarawak: Satu kajian ilmu alam tentang sebuah negeri yang sedang membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keppel, H. 1846. *The expedition to Borneo of H.M.S. Dido for the suppression of piracy*. Volume II. London: Chapman and Hall.
- Madzhi Johari. 1988. *Fonologi dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Needham, R. 1958. Notes on Baram Malay. *JMBRAS*. Vol. XXXI (Pt 1): 171-175.
- Pringle, R. 1970. *Rajahs and rebels*. Ithaca: Cornell University Press.
- Rokayah bt. Jaya. 1983. Ragam fonologi dialek Melayu Igan. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wong Khok Seng & Aiwan @ Noraini Alli. 1996. Kosa kata dialek Melayu Saratok: Satu tinjauan awal. *Jurnal Dewan Bahasa* 40(6): 541-548.

Chong Shin, Ph.D
Felo Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mel: chong@ukm.my